

PEMATUHAN KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009 (PINDAAN 2018)

SURAT AKUAN VENDOR BERDAFTAR

Saya, No. K.P.
 (Nama Wakil Syarikat*)

yang mewakili
 (Nama Syarikat)

nombor pendaftaran SSM dan Kod Vendor
 dengan ini mengisytiharkan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam RADICARE (M) SDN BHD atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender, sebutharga atau apa-apa perolehan oleh RADICARE (M) SDN BHD.

2. Saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini juga tidak akan terlibat dalam perkara-perkara yang menyalahi Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) berkenaan seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan samada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

3. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam RADICARE (M) SDN BHD atau mana-mana individu lain sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender, sebutharga atau apa-apa perolehan RADICARE (M) SDN BHD, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 3.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga/perolehan; atau
- 3.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebutharga/perolehan; dan
- 3.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan dan / atau RADICARE (M) SDN BHD yang berkuatkuasa.

4. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender, sebutharga atau apa-apa perolehan oleh RADICARE (M) SDN BHD, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 (Tandatangan)

Nama : & No. K.P:

Tarikh Cop Syarikat:

Nota *: Nama wakil syarikat ini adalah pegawai tertinggi dalam pengurusan syarikat